

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 7 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kedudukan negara setelah negara berdepan dengan penularan pandemik COVID-19 dari segi ekonomi, perniagaan yang digulung tikar, kehilangan pekerjaan, beban hutang yang ditanggung dan pendapatan negara selama tempoh PKP berjalan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara merekodkan penguncutan sebanyak 6.4 peratus bagi tempoh sembilan bulan pertama 2020. Namun, kegiatan ekonomi dijangka pulih secara beransur-ansur pada tempoh separuh kedua tahun 2020 di mana penguncutan KDNK pada suku ketiga telah berkurang kepada 2.7 peratus berbanding penguncutan 17.1 peratus pada suku tahun sebelumnya. Secara keseluruhannya, KDNK dijangka mencatat penguncutan sebanyak 4.5 peratus pada 2020 sebelum kembali pulih sekitar 6.5 hingga 7.5 peratus pada 2021.
2. Berdasarkan rekod Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi tempoh Mac hingga Oktober 2020, bilangan penamatan atau penggulungan perniagaan adalah lebih rendah berbanding tempoh yang sama bagi tahun lepas. Sebagai contoh, bilangan penamatan perniagaan milikan tunggal dan perkongsian mencatatkan pengurangan sebanyak 25 peratus daripada 17,922 syarikat pada Mac hingga Oktober 2019 kepada 13,445 dalam tempoh yang sama tahun ini. Bilangan penggulungan juga telah menurun sebanyak 39 peratus daripada 1,251 syarikat kepada 762 dalam tempoh yang sama.

3. Kerajaan menerusi pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi PRIHATIN, PRIHATIN PKS Tambahan, PENJANA dan KITA PRIHATIN telah melaksanakan beberapa inisiatif penstabilan pekerjaan seperti program-program subsidi upah dan pengekalan pekerjaan serta insentif pengambilan pekerja yang bertujuan untuk meminimumkan impak COVID-19 ke atas operasi pasaran buruh. Kesan positif langkah tersebut telah berjaya mengurangkan kadar pengangguran kepada 4.6 peratus atau 737,500 orang pada September 2020 daripada paras tertinggi 5.3 peratus atau 826,100 orang pada Mei 2020.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Hutang Kerajaan Persekutuan telah meningkat kepada RM874.3 bilion atau 60.7 peratus daripada KDNK pada akhir-September 2020 berbanding RM823.8 bilion atau 57.2 peratus KDNK pada akhir-Mac 2020. Peningkatan hutang ini adalah setelah mengambil kira pinjaman kasar sebanyak RM108.2 bilion merangkumi pembiayaan semula kertas hutang yang matang berjumlah RM56.8 bilion dan pinjaman bersih sebanyak RM51.4 bilion digunakan bagi membiayai defisit yang turut meliputi perbelanjaan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi dalam tempoh April hingga September 2020. Namun, hutang statutori Kerajaan berada pada tahap 57.7 peratus kepada KDNK pada September 2020, iaitu kurang dari siling 60 peratus kepada KDNK yang ditetapkan.

5. Unjuran jumlah hasil Kerajaan Persekutuan bagi 2020 telah disemak kepada RM227.3 bilion berbanding anggaran asal RM244.5 bilion berikutan unjuran KDNK yang lebih rendah dan kejatuhan harga minyak mentah dunia. Kerajaan akan menampung kekurangan pendapatan berkenaan melalui sumber hasil *one-off* daripada dividen dan bayaran khas oleh syarikat Kerajaan, meneroka hasil cukai baharu, penjimatan subsidi minyak dan penstrukturran serta pengagihan semula perbelanjaan Kerajaan Persekutuan. Selain itu, Kerajaan turut memperuntuk pertambahan perbelanjaan bagi melaksanakan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi susulan penularan pandemik COVID-19. Sehubungan itu, defisit fiskal pada tahun 2020 dijangka meningkat kepada 6 peratus berbanding sasaran awal 3.2 peratus daripada KDNK.

Sekian, terima kasih.